

Pembangunan dan Kebolegunaan Aplikasi E-I'jāz Dalam Pembelajaran Kosa Kata Arab

Development and Applicability of E-I'jāz Application in Arabic Vocabulary Learning

Mohd Sukki Othman¹, Muhd Zulkifli Ismail², Mohamad Hussin^{3*} & Khairul Asyraf Mohd Nathir⁴

¹ Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia, msukki@upm.edu.my, +60 19-324 1364

² Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Malaysia, zulismail@upm.edu.my, +60 12-250 4949.

³ Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, email: mohamadhussin@um.edu.my, +60198081897.

⁴ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia, khai.asyraf@usim.edu.my, +60 11-3996 3845

* Corresponding Author: Mohamad Hussin. Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, email: mohamadhussin@um.edu.my, +60198081897, ORCID iD: 0000-0003-4922-1472.

ABSTRACT

Interactive learning based on information technology is an option and alternative in today's learning system. Especially when the world is in the transition period of the pandemic that is sweeping the world. Previous studies have shown that among the contributing factors to the less encouraging achievement among Arabic language students is that there is less support material and information technology is not optimally utilized in learning. As an effort to contribute to solving the problem, the E-I'jāz application was designed and developed by making the vocabulary from the Quran as the core of the module. ADDIE's systematic, complete and directed model is used as a basis for developing E-I'jāz. The module is built through each phase of construction which is analysis, design, development, implementation and evaluation. To evaluate the usability of E-I'jāz, a questionnaire was conducted on 24 respondents after they were exposed to interactive learning using E-I'jāz throughout one semester of study. The findings of the questionnaire show that the overall mean score for each construct is high. Respondents gave a positive response to the presentation, content, language presentation and acceptance of E-I'jāz. This shows that the developed application has a high level of usability. The implications of this study contribute to the need to develop an ICT-based pedagogical module that can be a reference for students, language teachers and stakeholders in improving the competence of Arabic language students in Malaysia.

Keywords: e-learning; vocabulary mastery; interactive learning; *E-I'jāz*; IR4.0

ABSTRAK

Pembelajaran interaktif berbantuan teknologi maklumat menjadi pilihan dan alternatif dalam sistem pembelajaran masa kini. Lebih-lebih lagi ketika global dalam tempoh peralihan pandemik yang melanda dunia. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa antara faktor penyumbang kepada pencapaian yang kurang memberangsangkan dalam kalangan pelajar bahasa Arab ialah kerana bahan sokongan yang kurang dan teknologi maklumat tidak dimanfaatkan secara optimum dalam pembelajaran. Sebagai usaha untuk menyumbang kepada penyelesaian masalah berkenaan, aplikasi E-I'jāz direka bentuk dan dibangunkan dengan menjadikan kosa kata dari al-Quran sebagai teras modul. Model ADDIE yang sistematik, lengkap dan terarah dijadikan sebagai landasan untuk membangunkan E-I'jāz. Modul yang dibina melalui setiap fasa pembinaan iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. Untuk menilai kebolegunaan E-I'jāz, soal selidik telah dilaksanakan terhadap 24 orang responden setelah mereka didedahkan kepada pembelajaran interaktif menggunakan E-I'jāz sepanjang satu semester pengajian. Dapatan soal selidik menunjukkan bahawa skor min keseluruhan bagi setiap konstruk adalah tinggi. Responden memberikan tindak balas yang positif terhadap persembahan, isi kandungan, persembahan bahasa dan penerimaan terhadap E-I'jāz. Ini menunjukkan bahawa aplikasi yang dibangunkan ini mempunyai tahap kebolegunaan yang tinggi. Implikasi kajian ini menyumbang kepada keperluan membangunkan modul pedagogi berteraskan ICT yang boleh menjadi rujukan kepada pelajar, guru bahasa dan pemegang taruh dalam meningkatkan kompetensi pelajar bahasa Arab di Malaysia.

Kata Kunci: e-pembelajaran; penguasaan kosa kata; pembelajaran interaktif; E-I'jāz; IR4.0

Received: March 09, 2023

Accepted: March 26, 2023

Online Published: May 30, 2023

1. Pendahuluan

Pembelajaran secara maya yang bersifat interaktif menjadi alternatif dalam menyampaikan isi kandungan pelajaran masa kini. Lebih-lebih lagi ketika dunia diancam dengan pandemic Covid-19 yang menyebabkan peluang untuk belajar secara bersemuka semakin terbatas. E-pembelajaran menjadi pilihan utama kerana keupayaannya menyediakan peluang pembelajaran yang lebih luas, fleksibel dan menjimatkan kos (Bencheva, 2011). Pelbagai platform seperti Google Classroom, Microsoft teams, WebEx, Zoom, dan seumpamanya yang kedengaran asing sebelum ini mulai diterima ramai sebagai pelantar dalam menyampaikan pembelajaran.

Oleh yang demikian pembangunan modul pembelajaran yang bersifat interaktif dan bertunjangkan teknologi ICT sewajarnya diberi perhatian dalam menyediakan dan membina bahan bantu mengajar yang sesuai dengan kehendak semasa. Pembangunan modul yang berkualiti yang menepati objektif pembangunan, serta mampu memberi kesan terhadap kefahaman individu dianggap sebagai modul yang berpengaruh (Ahmad Zuki, 2014). Dalam kajian ini, modul berbentuk aplikasi berasaskan teknologi internet dibangunkan bagi mengkaji kesan penerapan aplikasi sedemikian terhadap kumpulan sasaran iaitu pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab al-Quran. Aplikasi yang dinamakan sebagai E-I'jāz ini dibangunkan sebagai bahan sokongan alternatif kepada guru yang mengajar mata pelajaran ini untuk mengaplikasi sistem pembelajaran berpusatkan murid

secara optimum dan bersifat interaktif bagi meningkatkan kompetensi bahasa Arab mereka. Aplikasi yang dibangunkan mengambil kira semua keperluan pelajar dipenuhi dalam paparan-paparan yang disediakan. Ini adalah bertepatan dengan pendapat Kailani dan Rohani (2011) yang menyatakan modul pembelajaran yang dibangunkan perlu mengandungi maklumat peralatan, keselamatan dan kos bagi setiap aktiviti yang dijalankan.

Menurut Rusell (1974) sesuatu modul yang baik perlu memberi perhatian terhadap syarat-syarat berikut:

- i. menepati sasaran populasi iaitu mengambil kira aspek latar belakang dan tingkah laku kumpulan sasaran
- ii. situasi pengajaran dan pelaksanaan modul adalah baik dan memuaskan.
- iii. masa yang diperuntukkan kepada pelajar untuk menjalankan aktiviti dalam modul adalah mencukupi
- iv. berlaku peningkatan prestasi pencapaian pada diri pelajar setelah mengikuti modul
- v. berlaku perubahan sikap pada diri pelajar ke arah lebih cemerlang.

2. Permasalahan Kajian

Kajian terdahulu mendapati tahap penguasaan pelajar yang mempelajari bahasa Arab secara keseluruhannya masih berada di tahap kurang memberangsangkan sama ada dari sudut penulisan atau pembacaan atau pertuturan (Hussin & Marosadee, 2020; Mohd Saiful Fahmi, 2017; AlMuslim Mustapa et al. 2012; Nik Mahfuzah Nik Mat, 2013). Masalah kekurangan kosa kata merupakan antara permasalahan utama dalam keberhasilan pelajar yang mempelajari bahasa Arab di Malaysia (Nik Rahimi al al., 2014; Nadwah & Nadhilah 2014). Hasil kajian yang dilakukan oleh Harun Baharudin & Zawawi Ismail (2014) mendapati jumlah penguasaan kosa kata pelajar di peringkat sekolah menengah di Malaysia berada pada tahap yang rendah. Kelemahan ini turut dihadapi oleh sebahagian besar pelajar pada peringkat pengajian tinggi. Azhar et al. (2003), Rahim (2009) serta Harun Baharudin & Zawawi Ismail (2014) mendapati bahawa saiz kosa kata pelajar yang berada di peringkat ini amat terhad dan lemah dalam menggunakan kosa kata Arab dalam konteks sebenar. Manakala Zainur Rijal Abdul Razak et al. (2020) mendapati responden kajiannya yang terdiri daripada mahasiswa universiti hanya menguasai sejumlah 1500 – 2000 kosa kata Arab sahaja daripada keseluruhan 3000 kosa kata yang seharusnya dikuasai. Fenomena ini memerlukan usaha proaktif untuk mengetengahkan idea bagaimana cara untuk meningkatkan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar bukan penutur jati yang berkecimpung dalam bidang pengajian bahasa Arab.

Salah satu faktor yang menyumbang kepada pencapaian yang kurang memberangsangkan ini ialah masalah kualiti bahan sokongan (Hussin et al. 2023) dan kekurangan bahan sokongan (Rosni Samah, 2009). Permasalahan ini turut diketengahkan oleh Abdul Razif et al (2019), Rosni Samah (2009) dan Zawawi Ismail (2008) dalam kajian mereka. Menurut Zawawi Ismail (2008) penggunaan elemen teknologi dan bahan sokongan amat terbatas dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia.

Menyedari hakikat ini, projek E-I'jāz yang direka bentuk dan dibangunkan sebagai bahan bantu untuk memperkayakan kosa kata bahasa Arab dibangunkan. Projek yang dibangunkan ini akan menyediakan bahan sokongan bagi pembelajaran mata pelajaran bahasa

Arab al-Quran yang merupakan salah satu mata pelajaran wajib kepada penuntut Sarjana Muda jurusan bahasa Arab di UPM. Melalui projek ini, aplikasi E-I'jāz yang menghimpunkan sejumlah besar kosa kata yang biasa ditemui dalam al-Quran direka bentuk dan dibangunkan dengan mengaplikasi teknologi multimedia sepenuhnya.

Kosa kata daripada al-Quran dipilih dan dijadikan sebagai sumber asas pembinaan modul E-I'jāz kerana dapatan kajian terdahulu menunjukkan pendekatan mengajar bahasa Arab berteraskan kosa kata al-Quran menjadi pilihan para responden (Suhaila Zailani @ Haji Ahmad et al., 2012). 83.3% responden kajian Suhaila Zailani @ Haji Ahmad et al. (2012) mencadangkan agar pengajaran nahu menggunakan pendekatan ayat al-Quran, manakala sebanyak 81.5% responden pula berharap pendekatan bacaan dalam solat dijadikan sebagai asas dalam pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab. Manakala Hussin & Othman (2018) dan Zambri Rajab et al. (2016) menegaskan bahawa mengambil contoh daripada al-Quran merupakan pendekatan terpilih dalam mempelajari bahasa Arab kerana al-Quran mesra dengan kehidupan seharian pelajar. Mohd Zulkifli Muda (2015) menyatakan al-Quran merupakan sumber terbaik bagi meningkatkan penguasaan bahasa Arab kerana pelajar dapat menghafaz ayat-ayat berkenaan dan menggunakannya semula ketika mempraktikkan bahasa Arab. Sementelah pula al-Quran kaya dengan kosa kata yang digunakan dengan makna yang tepat dalam menyampaikan sesuatu mesej. Oleh yang demikian, kosa kata ini boleh dimanipulasi untuk dijadikan sebagai sumber dalam membina modul pembelajaran yang bermatlamatkan untuk memperkayakan kosa kata pelajar.

3. Latar Belakang Aplikasi E-I'jāz


Aplikasi E-I'jāz merupakan satu aplikasi berasaskan multimedia dan bersifat interaktif sendiri yang dibangunkan dengan menggunakan model lima fasa ADDIE. Aplikasi ini dibangunkan bagi memenuhi kehendak mata pelajaran bahasa Arab al-Quran yang merupakan salah satu mata pelajaran wajib bagi pelajar yang mengambil jurusan sarjana Muda bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia. Melalui aplikasi ini sebanyak 200 perkataan dipilih sebagai bahan utama pengajaran. Setiap kosa kata yang dipilih dipastikan mempunyai sinonim dalam al-Quran. Perbezaan aspek semantik setiap kosa kata diperjelaskan dalam bentuk video pencerahan dan juga nota penerangan ringkas. Contoh penggunaan kosa kata dalam konteks sebenar juga diketengahkan sebagai aktiviti pengayaan pelajar.

Objektif akhir pembelajaran ialah pelajar akan menguasai kosa kata bahasa Arab, menambahkan perbendaharaan kata, mengetahui perbezaan medan makna antara kosa kata sinonim dalam al-Quran serta dapat mengaplikasikannya dalam konteks sebenar.

Model ADDIE digunakan sebagai landasan dalam membina aplikasi E-I'jāz. Model ini merupakan salah satu model yang biasa digunakan dalam mereka bentuk modul pengajaran dan pembelajaran berkesan dan boleh dipraktikkan dalam mana-mana situasi pembelajaran sama ada bersemuka atau atas talian (Nada Aldoobie, 2015). Model ini ialah sebuah model yang dikembangkan daripada model pembelajaran yang diperkenalkan oleh University of Florida untuk kegunaan latihan tentera Amerika Syarikat pada tahun 1975 (Branson, Rayner, Cox, Furman, King & Hannum, 1975 in Robert T. Hays, 2006). Model ini terkenal dengan nama ADDEI yang merupakan akronim kepada lima fasa yang dilalui dalam

membangunkan model iaitu Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation. Setiap fasa pula saling berkait dengan fasa sebelum dan fasa selepasnya. Dalam mereka bentuk dan membangunkan aplikasi ini fasa-fasa yang dicadangkan telah lakukan sepenuhnya seperti yang digagaskan dalam model ADDIE. Ringkasan fasa yang dilalui dalam membangunkan aplikasi ini diringkaskan seperti dalam jadual berikut:

Rajah 1: Ringkasan aktiviti setiap fasa pembangunan aplikasi E-I'jāz



Kandungan E-I'jāz

Kandungan yang terkandung dalam aplikasi E-I'jāz ini terbahagi kepada lima bahagian utama iaitu laman utama, laman carian, laman penanda, laman profil dan laman tetapan.

- Laman utama** merujuk kepada perkataan bahasa Arab al-Quran yang boleh di akses oleh pengguna melalui penelitian terhadap senarai yang dibina pada laman utama. Para pengguna boleh meneliti secara lengkap maklumat yang diperolehi menerusi pembacaan pada maklumat yang dipaparkan atau boleh melihat video penerangan yang dibentangkan secara lebih jelas. Terdapat sejumlah 200 kosa kata disediakan dalam model yang dibina yang disertakan dengan video penerangan bagi setiap item serta nota ringkas.
- Laman carian** merujuk kepada carian perkataan secara langsung. Carian ini akan memudahkan pengguna akses kepada senarai perkataan yang dimuat dalam aplikasi ini.
- Laman penanda merujuk kepada penandaan bacaan dan perkataan yang disukai. Pengguna boleh menanda dan mengulangi pembacaan atau tontonan video.
- Laman profil** adalah bagi penetapan akaun pengguna yang akan memberi akses secara keseluruhan setelah berjaya didaftarkan.
- Laman tetapan** pula merujuk kepada maklumat berkaitan aplikasi yang dapat diperolehi serta status kemaskini aplikasi.

4. Metodologi Kajian

Untuk menilai kebolehgunaan aplikasi E-I'jāz, satu soal selidik telah dijalankan. Tujuan soal selidik ini dijalankan ialah untuk menilai kebolehgunaan aplikasi E-I'jāz yang diterapkan dalam sesi pembelajaran sebenar dalam meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar serta respons mereka terhadapnya. Responden kajian terdiri daripada 24 orang pelajar semester 2 sesi pengajian 2020/21 yang mendaftar mata pelajaran Bahasa Arab al-Quran. Responden didedahkan kepada aplikasi E-I'jāz sepanjang semester 2 sesi akademik 2020/21 yang lalu melalui pengawasan guru. Pelajar juga boleh mengakses sendiri E-I'jāz di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja kerana E-I'jāz ialah aplikasi yang bersifat interaktif sendiri.

Soal selidik yang dibina terdiri daripada empat bahagian iaitu soal selidik mengenai demografi responden, persepsi responden terhadap persembahan E-I'jāz, persepsi responden terhadap bahasa yang digunakan dan persepsi responden terhadap kebolegunaan E-I'jāz. Soal selidik diedarkan kepada responden setelah tamat sesi semester berkenaan. Data yang diperoleh melalui soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27.0. Data-data yang dianalisis ini seterusnya dibentangkan menggunakan kaedah analisis deskriptif mudah iaitu analisis skor min. Pengkaji memilih interpretasi skor min yang bersumberkan Jamil Ahmad (1993) dalam proses analisis seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Interpretasi skor purata dalam tiga tahap skala Likert

Julat	Tahap Skor Min
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Adaptasi daripada Jamil Ahmad (1993)

5. Analisis Dapatan Kajian

Secara keseluruhan sebanyak 24 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden kajian. Soal selidik ini mengandungi lima konstruk iaitu demografi responden, persepsi pelajar terhadap persembahan E-I'jāz, isi kandungan E-I'jāz, bahasa dan kebolegunaan E-I'jāz berdasarkan persepsi responden. Berikut merupakan analisis terhadap semua konstruk yang disoal.

Kebolehpercayaan item

Tahap kebolehpercayaan item kajian boleh ditentukan dengan menggunakan interpretasi nilai Alpha Cronbach yang mempunyai julat antara 0.00 hingga 1.0. Sekiranya nilai julat menghampiri 1.0, ia menunjukkan tahap kebolehpercayaan berada pada tahap baik, tinggi, dan berkesan. Manakala, julat menghampiri 0.00 pula, ia menggambarkan tahap kebolehpercayaan yang rendah (Yusof, 2004). Sekiranya nilai bacaan alpha adalah ≥ 0.6 , maka item berkenaan boleh diterima. Hasil analisis nilai alpha item soal selidik mendapati nilai kebolehpercayaan yang merujuk kepada nilai Alpha Cronbach bagi item soal selidik adalah tinggi iaitu 0.94 bagi keseluruhan 22 item. Ini menunjukkan bahawa soal selidik ini boleh diguna pakai dalam penyelidikan sebenar.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.940	22

Analisis demografi responden

Secara keseluruhan sebanyak 24 orang responden telah terlibat dengan soal selidik ini. Taburan responden dari segi jantina, ialah enam orang merupakan pelajar lelaki dan 18 orang ialah pelajar perempuan. Pelajar-pelajar ini berusia antara 20 sehingga 24 tahun. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar yang mengambil mata pelajaran bahasa Arab al-Quran di semester 2 sesi pengajian 2020/21. Taburan pelajar yang mendaftar kursus ini terdiri daripada 17 pelajar semester 3, enam pelajar semester lima dan seorang pelajar yang sedang belajar di semester 7.

Persepsi pelajar terhadap persembahan E-I'jāz

Persepsi pelajar terhadap persembahan E-I'jāz boleh ditunjukkan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2: Skor min persepsi pelajar terhadap persembahan E-I'jāz

	<i>N</i>	<i>Minimum</i>	<i>Maximum</i>	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>
Tajuk aplikasi ini sesuai dengan tujuan modul	24	3	5	4.75	.532
Teks yang digunakan di dalam aplikasi ini disampaikan dengan jelas	24	2	5	4.75	.676
Persembahan aplikasi ini sesuai untuk siswa yang mempelajari subjek Bahasa Arab al-Quran	24	2	5	4.75	.676
Susunan isi kandungan modul mudah diikuti oleh siswa yang mempelajari subjek Bahasa Arab al-Quran	24	3	5	4.83	.482
Gambar latar di dalam aplikasi ini mempunyai perkaitan dengan tajuk yang disampaikan	24	2	5	4.54	.721
Persembahan aplikasi ini mesra pengguna	24	3	5	4.63	.576

Berdasarkan jadual 1, analisis soal selidik berkaitan persepsi pelajar terhadap persembahan E-I'jāz adalah positif. Secara keseluruhannya skor min bagi setiap konstruk melebihi 4.54 dan ke atas. Ini menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap persembahan E-I'jāz yang direka bentuk. Didapati skor min bagi “susunan isi kandungan modul mudah diikuti oleh siswa yang mempelajari subjek Bahasa Arab al-Quran” paling tinggi iaitu sebanyak 4.83 diikuti dengan “tajuk aplikasi sesuai dengan tujuan modul”, “teks yang digunakan dalam aplikasi disampaikan dengan jelas” dan “Persembahan aplikasi ini sesuai untuk siswa yang mempelajari subjek Bahasa Arab al-Quran” iaitu 4.75.

Isi kandungan E-I'jāz

Dari sudut persepsi pengguna terhadap isi kandungan E-I'jāz, dapatan soal selidik adalah seperti yang dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 3: Persepsi pelajar terhadap isi kandungan E-I'jāz

	<i>N</i>	<i>Minimum</i>	<i>Maximum</i>	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>
Isi kandungan aplikasi memudahkan siswa memahami isi pengajaran	24	4	5	4.75	.442
Isi kandungan memenuhi kehendak mata pelajaran yang diajar dalam kelas	24	2	5	4.54	.779
Isi kandungan aplikasi ini merangkumi keseluruhan kandungan mata pelajaran Bahasa Arab al-Quran	24	2	5	4.54	.779
Tempoh paparan video setiap bahagian sesuai dengan isi kandungan	24	4	5	4.58	.504
Aplikasi yang dibangunkan dapat dicapai dengan mudah	24	3	5	4.46	.658
Bahan yang disediakan ini adalah menarik	24	2	5	4.46	.932

Isi kandungan E-I'jāz memudahkan siswa memahami isi pengajaran mencatat min paling tinggi iaitu sebanyak 4.75. Isi kandungan E-I'jāz yang dibina juga didapati memenuhi kehendak mata pelajaran yang diajar di dalam kelas. Ini terbukti apabila skor min bagi konstruk ini ialah 4.54. ini menunjukkan bahawa aplikasi yang dibina memenuhi kehendak

kurikulum. Ia sejajar dengan saranan Rusell (1974) yang menegaskan bahawa sesebuah modul yang dibina mestilah memenuhi beberapa syarat, antaranya ialah menepati sasaran populasi iaitu mengambil kira aspek latar belakang dan tingkah laku kumpulan sasaran.

Persembahan bahasa

Persepsi responden terhadap persembahan bahasa E-I'jāz dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 4: Persepsi responden terhadap persembahan bahasa E-I'jāz

	<i>N</i>	<i>Minimum</i>	<i>Maximum</i>	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>
Paparan tulisan dan nota adalah jelas	24	2	5	4.71	.690
Gaya penulisan nota yang disediakan mudah dibaca	24	1	5	4.75	.847
Laras bahasa yang digunakan dalam modul mudah difahami	24	3	5	4.71	.550
Laras bahasa penulisan nota bantu dalam aplikasi ini sesuai untuk siswa	24	4	5	4.75	.442
Penyampaian video dalam aplikasi ini mudah difahami	24	3	5	4.67	.565
Penggunaan video memudahkan pemahaman anda terhadap kandungan pelajaran	24	3	5	4.79	.509

Secara keseluruhan persembahan bahasa yang digunakan dalam membangunkan E-I'jāz adalah baik dengan skor bagi setiap konstruk dalam bahagian ini mencatatkan nilai min lebih daripada 4.67. Konstruk “penggunaan video memudahkan pemahaman anda terhadap kandungan pelajaran” mencatatkan skor min tertinggi iaitu sebanyak 4.79. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden cenderung ke arah penggunaan bahan bantu mengajar seumpama ini dalam pembelajaran mereka. Walau bagaimanapun terdapat juga responden yang memberikan skor 1 iaitu “sangat tidak bersetuju” kepada konstruk “Gaya penulisan nota yang disediakan mudah dibaca”. Oleh yang demikian, beberapa perkara yang berkaitan dengan aspek penulisan perlu diberikan perhatian, seumpama mengelak kesalahan ejaan, penggunaan jenis tulisan yang agak mengganggu fokus pelajar dan membariskan perkataan. Seorang responden juga didapati memberikan skor 2 iaitu “tidak bersetuju” kepada konstruk “Paparan tulisan dan nota adalah jelas”. Maklum balas responden ini akan dijadikan landasan dalam menambahbaik lagi persembahan E-I'jāz.

Persepsi responden terhadap kebolegunaan E-I'jāz

Persepsi responden terhadap kebolegunaan E-I'jāz dipaparkan dalam jadual berikut:

Jadual 5: Persepsi responden terhadap kebolegunaan E-I'jāz

	<i>N</i>	<i>Minimum</i>	<i>Maximum</i>	<i>Mean</i>	<i>Std. Deviation</i>
Aplikasi ini merangsang minat	24	3	5	4.71	.550
Aplikasi ini menambah pengetahuan sedia ada anda	24	3	5	4.67	.565
Aplikasi ini memperkayakan maklumat anda berkaitan topik yang dipelajari	24	4	5	4.71	.464
Aplikasi ini menepati keperluan IR 4.0	24	2	5	4.33	.761

Secara keseluruhan skor min bagi konstruk kebolegunaan E-I'jāz berapa pada tahap tinggi. “Aplikasi yang dibina merangsang minat pelajar” mendapat skor sebanyak 4.71, iaitu sama dengan skor konstruk “aplikasi yang dibangunkan mampu memperkayakan maklumat

pelajar berkaitan topik yang dipelajari”. Manakala konstruk lain turut mencatatkan skor yang tinggi, iaitu konstruk “aplikasi ini menambah pengetahuan sedia ada anda” sebanyak 4.67 nilai min dan konstruk aplikasi ini menepati keperluan IR4.0 yang mencatat nilai min sebanyak 4.33. Dapatan ini menunjukkan bahawa aplikasi yang dibina mampu menjadi pemangkin ke arah pembelajaran bahasa Arab di era multimedia ini yang menjadikan teknologi aplikasi berasaskan internet sebagai landasan inovasi.

Respons pengguna

Seterusnya, responden juga diberikan peluang untuk mencatatkan apa sahaja komentar mereka secara bebas mengenai aplikasi E-I‘jāz. Mereka boleh mencatat apa sahaja pandangan atau idea mengenai aplikasi yang diperkenalkan tanpa terikat dengan soalan terarah. Komentar mereka dicatatkan dan dilebel mengikut nombor pengenalan setiap responden. Di sini dinyatakan sejumlah daripadanya sebagai.

- *“Sangat menarik minat pelajar serta mudah difahami” (R1)*
- *Cara ini sangat menarik untuk pelajar kerana gaya bahasa mudah difahami dan pelajar akan lebih minat untuk menguasai subjek (R2)*
- *Penyampaian yang menarik minat untuk terus mendengar pembelajaran. Penggunaan video amat membantu dalam memahami lebih mendalam berkenaan topik yang dibahas. Selain itu penggunaan video juga menambahkan minat untuk belajar. Tulisan dalam bentuk nota, mudah difahami (R3)*
- *Sangat baik untuk memudahkan pelajar untuk lebih faham dan melakukan ulang kaji dengan lebih efisien dan bersistematik (R4)*
- *Mudah difahami dan senang digunakan. Ia juga boleh dijadikan sebagai rujukan (R5)*
- *Sangat berkesan dalam memupuk minat pelajar serta pelajar mudah faham tentang tajuk yang ingin disampaikan (R6)*
- *Sangat menarik minat (R7)*
- *Menambah ilmu pengetahuan sedia ada saya dalam mempelajari ilmu baru (R8)*
- *Apps ini adalah bagus untuk semua yang menceburi bidang bahasa arab (R10)*
- *Sangat terbaik untuk menambah baik cara pengajaran dalam talian (R11)*
- *Bertambah rasa minat utk mempelajari subjek bahasa arab alquran (R13)*
- *"Aplikasi yang bagus (R15)*
- *Sangat menarik serta dapat membantu para pelajar memahami sesuatu perkara yang disampaikan dengan lebih mendalam selain meningkatkan daya tumpuan pelajar. (R20)*
- *Keberkesanan aplikasi ini saya dapat mengenal pasti perbezaan perkataan tersebut dengan jelas dalam konteks makna, fungsi dan penggunaan perkataan tersebut di dalam ayat. (R21)*

Sebahagian besar responden memberikan respons positif mengenai persembahan dan pendekatan yang digunakan. Rata-rata responden menyatakan bahawa persembahan aplikasi E-I‘jāz adalah menarik, bagus, mudah difahami, berkesan dan memudahkan mereka mempelajari bahasa Arab di samping meningkatkan motivasi mereka untuk mempelajarinya. Respons yang positif ini memberikan suatu gambaran mengenai penerimaan baik terhadap pendekatan yang diperkenalkan.

Terdapat juga sebahagian respons pengguna yang berbentuk cadangan penambahbaikan. Berikut ini dinyatakan komentar-komentar berkenaan:

- *Boleh diperbaiki dengan menyeragamkan cara penulisan nota/penerangan. Sebab saya tengok, untuk bahagian perkataan mayyit dan mayt tu. Penerangan kat bawah tu tak dijarakkan untuk menunjukkan penerangan tu tentang dua² perkataan. Tapi untuk perkataan yang lain, saya tengok dah dijarakkan dah. Bila dijarakkan tu, lebih jelas dan mudah faham. (R16)*
- *Untuk video pula, penerangan dah okay dah. Jelas. Cuma mungkin boleh dipercantikkan lagi dengan menambah animasi atau tulisan yang berkaitan untuk lebih menarik dan kelihatan profesional. (R17)*
- *Satu lagi, cadangan saya. Button search lebih baik kalau letak kat atas. Mungkin sebelah button option tu. Semoga berjaya dan dipermudahkan, ust. Bagus sangat dan sangat banyak manfaat apps ni". (R18)*
- *Persembahan dan penampilan apps ini agak sederhana, masih boleh dipertingkatkan mungkin dari segi grafik dan design, dan setiap perkataan arab mungkin lagi bagus sekiranya dibariskan istilahnya (R19)*

Berdasarkan komentar yang diberikan di atas, didapati ada responden yang mencadangkan supaya ada penyeragaman mengenai cara mengemukakan bahan pembelajaran. Cadangan ini merupakan cadangan yang baik untuk memantapkan lagi persembahan E-I'jāz. Responden 17 pula mencadangkan supaya dimasukkan elemen animasi dalam aplikasi yang dibangunkan ini, di samping dimasukkan subtitle kepada video yang dipaparkan. Cadangan ini juga baik dan boleh dipertimbangkan untuk memantapkan lagi pendekatan penyampaian E-I'jāz. Terdapat juga cadangan supaya dipertingkatkan lagi penampilan aplikasi dari sudut grafik (R19), dibariskan perkataan (R19), diletakkan butang "search" ditempat yang lebih sesuai (R18), wujudkan ruang latihan (R24) dan konsisten dalam penggunaan tulisan Rumi atau Arab (R24). Semua cadangan yang diberikan akan dipertimbangkan dan dijadikan panduan untuk meningkatkan lagi tahap kebolegunaan E-I'jāz di masa akan datang.

6. Perbincangan dapatan kajian

E-pembelajaran adalah sebuah program pembelajaran yang tidak asing lagi dengan suasana pembelajaran di IPTA pada masa kini. Keupayaannya sebagai medium pengajaran dan pembelajaran yang mesra pengguna dilihat semakin penting kerana ciri-cirinya yang lebih khusus iaitu dapat dicapai di mana jua dan pada bila-bila masa sahaja. Cirinya yang praktikal menjadikannya lebih diminati berbanding pengajaran dan pembelajaran secara tradisional. Justeru e-pembelajaran bukan sahaja memberi banyak faedah bahkan dilihat semakin diterima umum dalam dunia pendidikan pada hari ini.

Hasil soal selidik yang dijalankan menunjukkan kecenderungan yang tinggi pelajar terhadap penggunaan aplikasi *android* dalam pembelajaran. Pelajar dilihat memberi respon yang positif terhadap setiap bahagian soal selidik. Hal ini kerana pendekatan yang digunakan sangat dekat dengan generasi hari ini yang rata-ratanya memiliki kemudahan telefon pintar, komputer dan jaringan internet dalam mencari dan memperkayakan maklumat. Tambahan pula sistem pembelajaran melalui aplikasi yang bersifat interaktif sendiri ini akan

memudahkan pelajar untuk belajar secara interaktif sendiri, di mana sahaja mereka berada dan bila-bila sahaja masa yang terluang.

Persepsi responden yang positif terhadap persembahan E-I'jāz, isi kandungan, dan persembahan bahasa menunjukkan bahawa aplikasi yang dibangunkan ini mempunyai tahap kebolegunaan yang tinggi. Responden memberi respons bahawa E-I'jāz sangat merangsang minat mereka, menambahkan pengetahuan sedia ada, di samping memperkayakan maklumat dan pengetahuan. Hal ini kerana konsep yang diterapkan dalam E-I'jāz yang bersifat interaktif sendiri, berbentuk penerokaan serta dibantu dengan video serta nota penerangan yang boleh diakses oleh pengguna di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa sahaja. Bahan-bahan sokongan yang disediakan ini pula membekalkan maklumat linguistik kepada kosa kata yang dipilih dari aspek semantik, leksikal dan juga sinonim. Oleh yang demikian, konsep yang diterapkan ini boleh disimpulkan bahawa ia memenuhi kehendak pembelajaran di era IR4.0.

Sebahagian responden mengaitkan kandungan yang dipaparkan dalam E-I'jāz dengan kefahaman al-Quran. Responden ke-23 contohnya melontarkan pandangan supaya aplikasi ini dibuka untuk manfaat awan kepada kesesuaiannya untuk mendalami bahasa al-Quran. Menurutnya “aplikasi lebih berkesan jika digunakan kepada semua orang kerana kandungannya mempunyai maklumat dan isi yang jelas dan mudah difahami oleh semua orang. Selain itu, aplikasi ini dapat menarik minat orang untuk mendalami bahasa Arab Al-Quran” (R23). Pandangan ini selari dengan dapatan kajian Suhaila Zailani et al. (2012) yang mendapati bahawa pelajar bahasa Arab di Malaysia lebih cenderung kepada bahan pembelajaran yang berteraskan ayat al-Quran dan bacaan dalam solat.

Secara kesimpulannya, pembangunan aplikasi yang berteraskan teknologi multimedia ini mudah diterima ramai. Implikasi daripada soal selidik kajian ini mendedahkan secara tidak langsung bahawa aplikasi yang berkonsepkan multimedia seumpama E-I'jāz mampu memenuhi kehendak kurikulum semasa serta selaras dengan kecenderungan generasi masa kini. Hal ini secara tidak langsung menuntut para guru dan pengajar bahasa memperluaskan ilmu berkaitan teknologi multimedia, membina bahan bantu mengajar yang sesuai dengan kehendak semasa dan mempergunakan kemahiran ini dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka.

7. Penutup

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kualiti dan kekurangan bahan sokongan merupakan salah satu halangan dalam pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa Asing di rantau ini. Guru juga didapati kurang menerapkan elemen teknologi multimedia dalam aktiviti pembelajaran. Justeru, pembangunan aplikasi seumpama E-I'jāz merupakan sumbangan awal yang mampu menampung kekurangan ini. Walaupun E-I'jāz hanya menfokuskan kepada penguasaan kosa kata bersumberkan al-Quran, akan tetapi langkah ini merupakan permulaan kepada usaha yang lebih besar dalam memperkasakan pembelajaran bahasa Arab di era ini. Lebih-lebih lagi dalam era IR4.0 yang menuntut pembelajaran dalam segenap aspek lebih bersifat terbuka, mudah dicapai dan bersifat sepanjang hayat. Respons yang positif daripada kumpulan kajian menunjukkan bahawa aplikasi yang diusahakan ini mempunyai kebolegunaan yang tinggi untuk dimajukan lagi. Implikasi dari soal selidik yang dijalankan

mengisyaratkan kepada perlunya perubahan secara menyeluruh dalam kaedah penyampaian masa kini. Guru-guru seharusnya memanfaatkan kemudahan teknologi yang ada untuk memastikan pengajaran yang disampaikan kepada golongan sasaran berkesan dan relevan dengan kehendak semasa.

Acknowledgement

This article is a part of Research undertaken by the researchers under the PUTRA Grant Scheme, Universiti Putra Malaysia (GP/2018/9599900). The Authors would like to thank the University for the grant received.

References

- Abdul Razif Zaini et al. (2019). Pengajaran Bahasa Arab di Malaysia: Permasalahan dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(1), pp. 47-57.
- Ahmad Zuki, R. E. (2014). Model dan Modul Pengajaran Integrasi Holistik Guru Pelatih Pendidikan Teknik dan Vokasional. Johor: Universiti Teknologi Malaysia. (tesis PHD)
- AlMuslim Mustapa, Zamri Arifin. (2012). Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab: satu tinjauan literatur di Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. Bangi: UKM.
- Azhar Muhammad, Ahmad Kilani Mohamed & Sulaiman Shakib Mohd Noor. (2003). Masalah Penterjemahan Melayu-Arab di kalangan pelajar Melayu. *Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-9* (pp. 344-361). Kuala Lumpur: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bencheva, N. (2011). Learning Styles and E-Learning Face-to-Face to the Traditional Learning. (retrieved from <https://www.semanticscholar.org/paper/Learning-Styles-and-E-Learning-Face-to-Face-to-the-Bencheva/09278f8fa4f4243dbdb316cfa07b8f6d6fa466a7> on January 2 2023)
- Harun Baharudin dan Zawawi Ismail. (2014). Vocabulary Learning Strategies and Arabic Vocabulary Size Among Pre-University Students in Malaysia. *International Education Studies*, 7(13). 219-226.
- Hussin, M., Ismail, Z., & Naimah. (2023). Error Analysis of Form Four KSSM Arabic Language Text Book in Malaysia. *Theory and Practice in Language Studies*, 13(1), 175-185, <https://doi.org/10.17507/tpls.1301.20>.
- Hussin, M., & Marosadee, A. H. (2019). Pembinaan Modul Pembelajaran 'Adad dan Ma'dūd Berpandukan Ayat Al-Quran. *Issues in Language Studies*, 8(1), 86-104, <https://doi.org/10.33736/ils.1411.2019>
- Hussin, M., & Othman, M. S. (2018). Mengatasi Miskonsepsi Pembelajaran Adad dan Ma'dūd Melalui Pendekatan Nahu Al-Quran. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 6(1), 41-53.
- Jamil Ahmad. (1993). Tinjauan tentang kekangan-kekangan dalam pelaksanaan sains KBSM di sekolah-sekolah menengah negeri Kedah Darul Aman. Disertasi Sarjana Fakulti Pendidikan UKM.
- Kailani, Ismail and Rohani, Mohd Suhaidy (2011) *Kesan penggunaan Kit Pengajaran Bermodul(KPB) bagi mata pelajaran Matematik (Sudut Dongak dan Sudut Tunduk) Tingkatan 4 di dua buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Pontian,*

- Johor*. Journal of Science & Mathematics Education. pp. 1-10. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/11917/>
- Mohd Saiful Fahmi Mohd Nasir et. al. (2017). Tahap Kemahiran Bertutur Bagi Bahasa Arab Komunikasi (BAK) Di Sekolah Agama Daerah Pasir Puteh Kelantan. Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab (Sembara 2017).
- Mohd Zulkifli Muda et al. (2015). Kaedah Penguasaan Mufradat Bahasa Arab Melalui Ayat Lazim Berasaskan Hafazan Al-Quran: Tinjauan Awal. In SQ 2015 eProceedings International Seminar on al-Quran in Contemporary Society 10 – 11 October 2015. Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZA.
- Nada Aldoobie (2015). ADDEI Model. *American International Journal of Contemporary Research*. Vol. 5, No. 6; December 2015.
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117-133.
- Nik Mahfuzah Nik Mat. (2013). Penguasaan kemahiran mendengar Bahasa Arab dalam kalangan pelajar menengah agama. Tesis sarjana: Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Nik Mohd. Rahimi, Zahriah Hussin & Wan Normeza. (2014). Pembelajaran Kosa Kata bahasa Arab secara Aturan Kluster Semantik dan Aturan Kluster Bebas. *Jurnal Teknologi*, 67(1), 33-38.
- Rahim Ramly. (2009). Penguasaan Perbendaharaan Kosa Kata Arab dalam kalangan Murid Sekolah Kebangsaan Menerusi Program J-QAF: Satu Kajian Kes. Wacana Pendidikan Islam (Peringkat Nusantara) siri ke-7. (pp. 579-588). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Robert T. Hays. (2006) *The Sciences of Learning*. Florida: Brown Walker Press.
- Rosni Samah. (2009). Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosni Samah. (2012). Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR '12), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusell, J.D. (1974). *Modular Instruction: A Guide to The Design, Selection, Utilization and Evaluation of Modular Materials*. New York: Burgess Publishing Company.
- Suhaila Zailani @ Haji Ahmad, Salamia Ab. Ghani, Ummu Hani Hj Hashim, Khazri Othman, Zainuddin Ismail, & Hakim Zainal. (2012). Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Menerusi Al-Quran. Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12). Bangi: UKM.
- Tuckman, B.W. and Waheed, M.A. (1981), Evaluating an individualized science program for community college students. *J. Res. Sci. Teach.*, 18: 489-495. <https://doi.org/10.1002/tea.3660180603>
- Yusof, R. (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong, Pahang: PTS Pubs. & Distri.
- Zainur Rijal Abdul Razak, Rosni Samah, Sulaiman Ismail. (2020). Tahap Penguasaan Kosa Kata Bahasa Arab Pelajar Universiti: Satu Kajian Korpus di Universiti Sains Islam Malaysia. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(1), 71-80.
- Zambri Rajab, Zulazhan Ab. Halim, & Kamarul Shukri Mat Teh. (2016). Kajian Nilai Shahid al-Quran Dalam tatabahasa Arab: Satu Tinjauan Awal. *International Postgraduate Research Conference (IPRC2016)*. Kuala Terengganu: Pusat Pengajian Siswazah UnisZA

Zawawi Ismail. (2008). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Komunikasi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.